



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF  
CHIEF EXECUTIVE**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
Skills Development Fund Corporation  
Kementerian Sumber Manusia  
Ministry of Human Resources  
Pejabat Ketua Eksekutif  
Aras 27, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)  
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6008  
Faks : 03-4047 6108  
Laman Web : www.ptpk.gov.my  
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 ( 10 )

Tarikh 28 September 2020

**Pengarah Eksekutif / Pengarah / Pengurus  
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK**

**Salam Kemahiran,**

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**KADAR PEMBIAYAAN KEPADA PELATIH BAGI PROGRAM STANDARD  
KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (NOSS) KAJI SEMULA (KOD  
NOSS BAHARU)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) bil. JPK/700/46/2 (10) bertarikh 29 Mei 2020 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, semua pelaksanaan program di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) hendaklah berdasarkan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang sedang berkuatkuasa. Status NOSS akan sentiasa disemak mengikut keperluan dimana NOSS Kaji Semula akan menggantikan NOSS Sedia Ada yang dijumlahkan.

3. Bagaimanapun, perkara ini telah menyebabkan Penyedia Latihan (PL) yang ingin mendaftarkan pelatih mereka untuk tujuan permohonan pembiayaan dengan Perbadanan tidak dapat berbuat demikian kerana Kadar Yuran bagi Kod NOSS baharu masih belum diluluskan oleh JPK.
  
4. Oleh yang demikian, Perbadanan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pendaftaran Penyedia Latihan Dan Program Latihan Kemahiran (JIPPL) PTPK Bil. 3 Tahun 2020 yang bersidang pada 6 Ogos 2020 telah mempertimbang cadangan KPPK tersebut dan **bersetuju agar semua program yang terlibat dengan urusan pertukaran Kod NOSS Kaji Semua (Kod NOSS Baharu) boleh menggunakan Kadar Yuran NOSS sedia ada dengan syarat PL memberikan persetujuan secara bertulis dan penggunaan kadar yuran lama ini hanya untuk pelatih sedia ada yang mahu didaftarkan oleh PL untuk mendapatkan pembiayaan latihan kemahiran daripada PTPK pada masa tersebut dan tidak boleh menukar kepada kadar yuran baharu yang telah diluluskan kemudian oleh Jawatankuasa Kecil Kadar Yuran JPK kecuali bagi pengambilan pelatih yang baharu selepas itu.**
  
5. Perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah ditarik bahawa PTPK berhak untuk mengambil tindakan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa sekiranya PTPK mendapati PL YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan mempunyai *fraud case* yang telah dibuktikan berdasarkan kepada Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

6. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, boleh menghubungi Encik Syafry Noor bin Sabaruddin di talian 03-4047 6189 / [syafry@ptpk.gov.my](mailto:syafry@ptpk.gov.my) atau Encik Zahid bin Ahmad di talian 03-4047 6080 atau [zahid@ptpk.gov.my](mailto:zahid@ptpk.gov.my) atau Encik Mohd Haffeez bin Mohd Anuar di talian 03 4047 6079 atau [haffeez@ptpk.gov.my](mailto:haffeez@ptpk.gov.my) untuk maklumat lanjut.


7. Segala perhatian dan kerjasama yang YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Pekerja Dan Cabaran Budaya Norma Baharu"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MUSTAFA BIN ALI)**

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

**Salinan Kepada :**

- i. Fail Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK
- ii. Fail Pengagihan Peruntukan
- iii. Semua Pengurus Besar dan Ketua Bahagian, PTPK